

MINYAK MENTAH

▽39 SEN

16 November 2016

Harga minyak mentah jatuh pada Rabu, mengembalikannya sebahagian keuntungan yang diraih daripada rali harian terbesarnya dalam tempoh setahun selepas data industri menunjukkan stok minyak AS meningkat di luar jangka minggu lalu menambah tekanan dalam lebih bekalan di pasraan.

Brent turun 39 sen kepada AS\$46.56 satu tong pada 0917 GMT.

Selasa lalu ia ditutup pada 5.7 peratus lebih tinggi selepas ahli OPEC akan mengkaji semula usaha mengurangkan bekalan.

Minyak mentah didagangkan pada 47 sen lebih rendah kepada AS\$45.34 satu tong.

“Harga jatuh dengan pertambahan stok simpanan minyak mentah AS dilaporkan API malam kelmarin,” kata penganalisis minyak PVM Oil Associates, Tamas Varga, di London.

“Simpanan minyak mentah AS mingguan melonjak 3.6 juta tong seminggu, melangkaui jangkaan kenaikan 1.5 juta tong sebelum ini,” kata American Petroleum Institute (API).

Berita itu menghentikan rali yang dicetuskan mesyuarat ahli OPEC yang akan bertemu 30 November untuk mencapai keputusan konsensus bagi persetujuan mengurangkan pengeluaran dan serangan ke atas saluran paip Nigeria.

Sebahagian besar menteri dan pegawai atasan daripada OPEC akan bertemu secara rasmi di Doha Jumaat ini dalam usaha mencapai persetujuan konsensus bagi keputusan kata sumber Agensi Tenaga Algeria.

“Kita menjangkakan kemungkinan pengurangan pengeluaran OPEC sekitar 50-50,” kata Pakar Ekonomi Kanan ABN Amro, Hans van Cleef.

REUTERS